

01/09/1997

Disiplin: Peranan guru tetap besar

Mohd Fuad Razali

KISAH ibu bapa menyerang guru kerana mendenda atau mengambil tindakan disiplin terhadap anak-anak mereka bukanlah satu perkara baru. Malah, sebelum ini ada ibu bapa yang merasakan anak mereka didenda secara keterlaluan membawa perkara itu kepada pihak media massa.

Bagaimanapun kejadian polis menahan guru sewaktu mengajar di dalam kelas berikutan aduan seorang bapa yang membantah tindakan guru itu merotan anaknya yang tidak membuat kerja rumah, baru-baru ini, kembali mencetuskan ketegangan.

Walaupun pada peringkat awal Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak sudah menjelaskan keadaan dan menganggapnya sebagai selesai, rasa tidak puas hati wujud kembali berikutan kenyataan pemimpin Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) yang dijangka mengarahkan semua 70,000 ahlinya di seluruh negara supaya tidak mempedulikan masalah disiplin dan salah laku di kalangan pelajar pada masa akan datang.

Arahan itu akan dikeluarkan jika usul berhubung perkara berkenaan diluluskan oleh perwakilan kesatuan itu dalam persidangan tahunannya yang akan berlangsung di Kota Bharu, Kelantan pada 9 September ini.

Setiausaha Agungnya, N Siva Subramaniam, berkata guru diberi tanggungjawab untuk mengajar sahaja dan tidak perlu dibebani tugas untuk menangani masalah disiplin pelajar lagi. Beliau mahu supaya soal mendisiplinkan pelajar diserahkan kepada ibu bapa dan polis menanganinya.

"Kami tidak mempunyai pilihan lain kecuali mengambil tindakan ini kerana perhatian berat kami terhadap pelajar dan masyarakat yang berakhlak tidak dihargai. Malah, tindakan kami sering dipandang serong dan disalah tafsir," katanya.

Di Pulau Pinang pula, Majlis Guru Besar yang mengadakan persidangan mereka membuat resolusi untuk menyanam polis berikutan tindakan menahan guru di dalam kelas.

Sebenarnya apakah tugas sebenar guru? Adakah tugas guru untuk mengajar sahaja?

Mengikut Tatasusila Profesion Perguruan Malaysia, guru mempunyai empat tanggungjawab iaitu terhadap pelajar, ibu bapa, masyarakat dan negara serta rakan sejawat dan profesion perguruan.

Antara tanggungjawab guru terhadap pelajar yang disenaraikan oleh tatasusila itu ialah lebih mengutamakan kebajikan dan keselamatan pelajar daripada hal-hal lain serta menunjukkan satu cara pakaian, pertuturan dan tingkah laku yang dapat memberikan contoh yang baik kepada pelajar.

Peraturan 4 dalam Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959 menyatakan guru besar adalah orang yang bertanggungjawab ke atas disiplin sekolah. Bagi maksud itu, mempunyai kuasa ke atas guru dan pelajar di sekolah. Bagaimanapun, beliau peraturan itu mempunyai peruntukan yang membolehkan guru besar menurunkan kuasa disiplin dan kuasa menjalankan hukuman kepada guru lain atau pelajar yang ditetapkan olehnya bagi maksud itu dengan syarat atau had yang difikirkannya patut.

Dalam buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru pula dinyatakan, guru memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan disiplin sekolah kerana guru adalah orang yang rapat sekali dan mempunyai hubungan langsung dengan pelajar. Oleh itu, pelaksanaan disiplin sekolah adalah tanggungjawab dan tugas semua dan setiap orang guru dan bukan semata-mata tanggungjawab dan tugas guru besar, guru penolong kanan atau

guru disiplin sahaja.

Dalam laporannya, Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut memperakukan bahawa langkah yang positif hendaklah diambil untuk menyemai dan mengawasi disiplin pelajar di sekolah dengan membabitkan semua guru, bukan setakat guru pengawas disiplin dan pengawas pelajar sahaja.

Langkah itu perlu kerana salah satu matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan individu yang berdisiplin. Mereka yang berdisiplin sedar akan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat, institusi pelajaran dan sosial serta negara. Disiplin adalah mustahak dalam usaha kita hendak mewujudkan satu masyarakat yang bertatasusila, bersatu padu, demokratik, adil, liberal dan progresif.

Disiplin, menurut laporan itu, ialah kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri.

Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain, kesanggupan menghormati antara satu sama lain dan mempunyai semangat tolong-menolong dan kesanggupan memperbaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

Bagaimanapun kita perlu sedar disiplin seseorang pelajar bukan ditentukan oleh sekolah sahaja. Alam sekitar dan masyarakat juga mempunyai pengaruh terhadap pembentukan disiplin seseorang pelajar. Masyarakat sekeliling dan persekitaran pelajar di luar sekolah amat kuat pengaruhnya di dalam pembentukan disiplin pelajar.

Di peringkat sekolah, pelaksanaan dan penyerapan disiplin dilakukan dengan dua cara iaitu secara langsung dan tidak langsung. Cara pertama dilaksanakan dengan mengadakan peraturan dan hukuman. Sejak 1956 lagi, Kementerian Pendidikan mengeluarkan pelbagai surat pekeliling mengenai peraturan yang perlu dilaksanakan di sekolah. Antaraya ialah Peraturan Persatuan Sekolah, Peraturan Lawatan Sekolah, Peraturan Majalah Sekolah, Peraturan Tata Tertib Sekolah, Peraturan Pembuangan Murid Daripada Sekolah, Peraturan Pakaian Seragam, Peraturan Potongan Rambut, Peraturan Larangan Merokok, Peraturan Salahguna Dadah, Peraturan Asrama Sekolah, Peraturan Perkara Tatatertib yang Dianggap Berat dan Peraturan Am.

Konsep disiplin mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Pemansuhan hukuman dera membuktikan wujud perubahan itu. Perubahan itu bukan sahaja dirasai pelajar, tetapi dirasai juga oleh guru. Guru menganggap penyemaian dan pengawasan disiplin di kalangan pelajar bukan lagi menjadi tanggungjawab mereka, bahkan tanggungjawab guru besar dan guru disiplin sahaja.

Berikutan itu, ada guru yang mengambil sikap lepas tangan sama sekali dalam perkara ini di samping tidak kurang juga yang kurang memberi sumbangan dalam pembentukan persekitaran pendidikan yang baik di sekolah. Malah kadangkala ada juga yang menunjukkan tingkah laku yang tidak boleh dicontohi.

Sikap sedemikian amat berbahaya dan merugikan kerana peraturan di sekolah tidak akan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya jika seorang atau beberapa orang guru sahaja memikul tanggungjawab berkenaan.

Selain itu, laporan berkenaan juga memperakukan bahawa hukuman dera kepada pelajar seperti merotan hendaklah dikekalkan. Guru besar dan guru lain yang tertentu diberi kuasa untuk merotan. Di samping itu, guru berkenaan hendaklah diberi garis panduan dalam menggunakan hukuman dera serta cara dan bila hukuman itu boleh dikenakan.

Cara kedua untuk melaksana dan menyerapkan disiplin ialah menerusi

penanaman disiplin dari dalam diri murid sendiri melalui kurikulum sekolah yang meliputi keseluruhan kegiatannya. Laporan yang sama juga memperakukan supaya kurikulum sekolah menitikberatkan perkembangan sikap, minat, perasaan, nilai dan semangat yang diinginkan dari segi disiplin.

Semua perkara ini diserapkan ke dalam program Pendidikan Moral. Program itu memberi penegasan yang wajar terhadap pembinaan sikap dan disiplin yang positif. Pelaksanaan program ini pada waktu ini dilaksanakan sejak Tahun Satu di sekolah rendah hingga Tingkatan Lima di sekolah menengah. Selain itu, isu yang sama juga diterapkan merentasi mata pelajaran agama, bahasa dan sains.

Semua ini tidak akan berjaya tanpa pembabitan semua guru. Cuba bayangkan apa akan berlaku kepada pelajar yang kita dakwa pewaris masa depan jika guru membiarkan sahaja mereka, tidak peduli pelajar yang poteng, tidak membuat kerja rumah, melalak di dalam kelas, bergaduh di sekolah. Bagaimanakah rupa bentuk pelajar yang akan kita hasilkan kelak?

(END)